

19/11/1998

Pandangan Mahathir mula diterima

PERISYTIHARAN Bersama forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) Kuala Lumpur, semalam, walaupun tidak begitu jelas mendorong kepada perlunya satu reformasi sistem kewangan dunia, setidaknya-tidaknya 21 negara anggota bertekad untuk merumuskan strategi ekonomi yang menjurus kepada pertumbuhan, menggerakkan semula pengaliran modal dan menentukan kestabilan pasaran kewangan.

Jika perisytiharan itu boleh dianggap sebagai ikrar atau janji setia, kita mahu melihat ketua kerajaan dan ekonomi negara anggota Apec, memenuhi iltizam mereka untuk menangani segera krisis ekonomi. Walaupun bahasa yang digunakan dalam dokumen 10 halaman itu terutama dalam konteks menangani krisis mata wang, tidak melambangkan hasrat sebenar Malaysia, namun dari segi tafsirannya, Apec sudah pun mengakui bahawa ekonomi dunia kian terancam. Oleh itu, tekad bersama untuk mengatasinya, begitu diharapkan.

Dunia maklum bahawa Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad sudah pun mencanangkan perlunya satu peraturan untuk mengesan urus niaga mata wang yang sebelum ini dilakukan tanpa sekatan. Dengan cadangan Apec supaya menubuhkan sebuah pasukan petugas untuk menggubal cadangan mengadakan kawalan lebih berhemat terhadap institusi kewangan di negara maju, ia boleh dianggap kejayaan Malaysia yang mahu memastikan perlunya aliran modal yang selamat dan mapan.

Pada kita, ia memberi tamparan hebat kepada institusi kewangan yang terbabit dalam aliran modal antarabangsa seperti bank pelaburan, dana lindung nilai dan pelabur institusi lain. Cuma yang tidak disebut ialah spekulator. Satu kejayaan yang dianggap begitu penting ialah persetujuan negara Apec bekerjasama bagi mewujudkan suasana yang menyokong pemulihan selain membendung krisis ekonomi daripada merebak dan mencetuskan kemelesetan sejagat.

Pada kita perisytiharan yang turut mengaitkan isu kejatuhan nilai mata wang dan peraturan pasaran mata wang, membuktikan perjuangan Malaysia untuk membetulkan kepincangan dalam sistem ekonomi hari ini, tidak lagi dianggap sebagai andaian semata-mata. Ia adalah realiti yang menjadi punca beberapa negara terutama di rantau ini menderita. Beberapa negara lain sama ada dalam atau di luar Apec, sudah pun berasa terancam. Jaminan Apec mungkin satu berita yang melegakan.

Jika selama ini Dr Mahathir memperjuangkan masalah ini bersendirian, kini saranan beliau yang sebelum ini dianggap sebagai 'pandangan kebelakangan', sudah menjadi agenda perjuangan global. Dan kini pandangan Perdana Menteri bahawa kuasa pasaran tidak seharusnya dipegang sebagai satu 'anutan agama', sudah jelas mula diterima.

Untuk membetulkan kepincangan ekonomi global, Malaysia mengambil risiko paling besar dengan melaksanakan pelbagai langkah menongkah arus termasuk mengawal kadar mata wangnya. Daripada seorang pemimpin kepada pemimpin dunia yang lain, daripada satu forum serantau kepada forum antarabangsa meliputi negara Kumpulan 15 (G-15), kumpulan Negara-Negara Berkecuali, Selatan-Selatan, daripada Sidang Kemuncak Ketua Negara Komanwel (Chogm) hinggalah kepada Apec, Dr Mahathir mencanangkan kepincangan sistem ekonomi dunia. Pada mulanya pandangan beliau dianggap sepi kerana tidak ramai yang percaya dengan tegurannya tetapi hari ini satu dokumen mengenainya sudah pun diperakukan Apec.

Sebelum ini, meskipun selepas kepincangan sistem ekonomi dunia terdedah, tidak ada negara yang berani memulakan langkah membetulkan keadaan. Konon,

bercakap mengenainya sahaja, akan menyebabkan tekanan yang berat dikenakan terhadap ekonomi mereka. Beberapa negara yang dilanda masalah terus mengharapkan penyelesaian berasaskan kepada mekanisme Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan pelbagai institusi antarabangsa lain yang mereka percaya boleh meringankan beban negara mereka. Dr Mahathir terpaksa bertindak membenarkan negara ini dijadikan `eksperimen' berisiko paling tinggi, demi untuk meyakinkan dunia bahawa sesuatu harus dilakukan demi kesejahteraan global. Ini adalah satu pengorbanan Malaysia paling besar. Dengan kejayaan meyakinkan Apec yang turut dianggotai negara kuasa besar, tugas untuk mengembalikan ekonomi dunia pada landasan yang lebih telus, kian tercapai. Sekarang, terpulanglah kepada negara di dunia sama ada akur kepada keputusan sidang Apec dengan menterjemahkannya kepada tindakan atau hanya menjadikannya sebagai dokumen yang perlu disemak setiap kali pemimpin negara berkenaan bertemu.

Bagi Malaysia, kegiatan ekonomi harus digerakkan secara aktif kerana hanya dengan cara itu, pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara, serantau dan dunia dapat dilaksanakan.

(END)